

## FSTEP perkenal skim semakan peserta

**P**ROGRAM Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (FSTEP) kini memperkenalkan skim semakan bagi memastikan peserta memenuhi kehendak industri perkhidmatan kewangan dalam keadaan ekonomi semasa.

Skim yang disemak semula itu, yang juga dikenali sebagai skim prapemilihan, akan membolehkan institusi kewangan membuat pemilihan awal calon me-

reka sendiri untuk dilatih menerusi program FSTEP.

Ketua FSTEP, Lee Khee Joo, berkata skim itu akan menggalakkan lebih banyak program latihan sambil bekerja yang lebih berkesan dan berstruktur oleh institusi kewangan yang menjadi hos selepas peserta dikenal pasti dan dipilih.

“Institusi kewangan perlu terbabit secara langsung dalam proses pemilihan kerana ia membantu mereka

memilih pekerja dilatih dengan baik dan memenuhi keperluan mereka,” katanya pada taklimat media mengenai skim semakan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut Lee, semua peserta dijamin mendapat pekerjaan dengan insituti kewangan yang menjadi hos.

Menurutnya, skim pemilihan awal, iaitu kesinambungan program FSTEP akan diteruskan dengan kumpulan keempat.